



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**
www.ijemp.com



**KESAN LITERASI KEWANGAN TERHADAP KECEKAPAN
PENGURUSAN KEWANGAN DALAM KALANGAN PEKERJA DI
UNIVERSITI AWAM**

*THE EFFECT OF FINANCIAL LITERACY ON FINANCIAL MANAGEMENT
COMPETENCY AMONG PUBLIC UNIVERSITY EMPLOYEES*

Rogis Baker^{1*}, Nur Surayya Mohd Saudi², Haliza Mohd Zahari³, Mohd Hamran Mohamad⁴, Abu Aiman Al-Wafi Abd Aziz⁵, Hasimi Sallehudin⁶

- ¹ Faculty of Defence Studies & Management, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia
Email: rogis@upnm.edu.my
- ² Faculty of Defence Studies & Management, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia
Email: nursurayya@upnm.edu.my
- ³ Faculty of Defence Studies & Management, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia
Email: haliza.mz@upnm.edu.my
- ⁴ Faculty of Defence Studies & Management, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia
Email: hamran@upnm.edu.my
- ⁵ Faculty of Defence Studies & Management, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Malaysia
Email: 2220458@alfateh.upnm.edu.my
- ⁶ Faculty of Information Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: hasimi@ukm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.09.2025

Revised date: 13.10.2025

Accepted date: 30.11.2025

Published date: 09.12.2025

To cite this document:

Baker, R., Saudi, N. S. M., Zahari, H. M., Mohamd, M. H., Abd Aziz, A. A., & Sallehudin, H. (2025). Kesan Literasi Kewangan Terhadap Kecekapan Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Di Universiti Awam. *International Journal of*

Abstrak:

Pengurusan kewangan yang cekap amat penting bagi menjamin kestabilan dan perancangan masa depan pekerja. Amalan berbelanja dengan boros tanpa mengambil kira keperluan atau kehendak akan mengakibatkan kegagalan dalam menguruskan kewangan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menguji kesan literasi kewangan berkaitan pengetahuan, tingkah laku, dan pengalaman kewangan, terhadap kecekapan pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja universiti awam di Malaysia. Seramai 148 orang staf akademik dan bukan akademik di salah sebuah universiti awam telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana data dikumpulkan melalui borang soal selidik dalam talian menggunakan platform Google Form. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan aplikasi Statistical Package for Social Science (SPSS). Hasil analisis regresi berganda menunjukkan bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah bebas menyumbang sebanyak 63.0% terhadap varians kecekapan pengurusan kewangan. Kajian mendapati Tingkah Laku

Entrepreneurship and Management Practices, 8 (32), 164-177.

DOI: 10.35631/IJEMP.832011

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Kewangan ($\text{Beta}=0.375$) dan Pengalaman Kewangan ($\text{Beta}=0.335$) mempunyai pengaruh yang paling kuat dan signifikan. Pengetahuan Kewangan juga didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan ($p<0.05$). Ini menunjukkan bahawa pekerja yang mempraktikkan tingkah laku kewangan yang baik serta belajar daripada pengalaman lebih berkemampuan dalam menguruskan perbelanjaan. Sehubungan itu, majikan perlu memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pekerja terhadap pengurusan kewangan peribadi. Langkah ini bertujuan untuk memastikan pekerja mempunyai kompetensi pengurusan kewangan yang baik dan terkawal, seterusnya dapat mengatasi masalah kewangan yang sering menjejaskan prestasi pekerja dan operasi organisasi. Lazimnya, pekerja yang mempunyai kemahiran dan keupayaan mengurus kewangan diri dengan baik akan turut memaparkan prestasi kerja yang cemerlang.

Kata Kunci:

Literasi Kewangan, Pengetahuan Kewangan, Tingkah Laku Kewangan Dan Pengalaman Kewangan, Pengurusan Kewangan

Abstrat:

Efficient financial management is crucial for ensuring the stability and future planning of employees. Wasteful spending habits that disregard the distinction between needs and wants often lead to financial management failure. Therefore, this study was conducted to examine the impact of financial literacy specifically financial knowledge, behavior, and experience on financial management competency among public university employees in Malaysia. A total of 148 academic and non-academic staff from a public university participated in this study. This study utilized a quantitative approach, with data collected via an online questionnaire using the Google Forms platform. The obtained data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). The results of the multiple regression analysis indicated that the three independent variables collectively contributed 63.0% to the variance in financial management competency. The study found that Financial Behavior ($\text{Beta}=0.375$) and Financial Experience ($\text{Beta}=0.335$) had the strongest and most significant influence. Financial Knowledge was also found to have a significant positive relationship ($p<0.05$). This indicates that employees who practice good financial behavior and learn from past experiences are more capable of managing their expenses. Consequently, employers need to play a vital role in enhancing employee awareness and knowledge regarding personal financial management. This initiative aims to ensure that employees possess competent and controlled financial management skills, thereby overcoming financial issues that often affect employee performance and organizational operations. Typically, employees who possess good personal financial management skills and capabilities will also demonstrate excellent work performance.

Keywords:

Financial Literacy, Financial Knowledge, Financial Behavior, Financial Experience, Financial Management

Latarbelakang

Pengurusan kewangan adalah satu set tingkah laku yang kompleks dan keputusan kewangan yang sering kali berubah mengikut kepentingan dan kehendak individu. Malah faktor-faktor seperti keperluan, keutamaan, dan tahap kemahiran kewangan juga akan mempengaruhi

pengurusan kewangan seseorang (Setiawan et al., 2025). Individu yang cekap dalam mengurus kewangan diri lazimnya memiliki tahap kewangan yang kukuh (Atmadja et al., 2021). Kemahiran asas dalam pengurusan kewangan merangkumi perancangan, pengurusan, pembelanjawan, pengauditan, serta keupayaan untuk menguruskan dan menyimpan aset kewangan harian. Semua elemen ini saling berhubung dan penting dalam pengurusan kewangan serta keputusan membuat pembiayaan dalam mencapai keuntungan (Mashud et al., 2021). Malah menurut Imawan et al., (2025), mengimbangi pendapatan dengan perbelanjaan adalah kunci untuk menjalani kehidupan tanpa tekanan kewangan, dan ini dapat dicapai melalui pengurusan kewangan yang berkesan.

Berdasarkan tinjauan Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia (MYFLIC) oleh Bank Negara Malaysia (BNM), tahap celik kewangan rakyat Malaysia tidak menunjukkan peningkatan ketara sejak tahun 2021. Skor Indeks MYFLIC pada tahun 2024 merekodkan hanya 59.1, berbanding 59.0 pada tahun 2021 (Bank Negara Malaysia, 2024). Walaupun tinjauan ini menunjukkan sedikit peningkatan skor dalam pengetahuan kewangan (+2.7), tetapi terdapat penurunan yang membimbangkan terhadap skor tingkah laku (-2.0) dan sikap kewangan (-0.3) dalam kalangan rakyat Malaysia. Tinjauan ini juga mendapati semakin ramai rakyat Malaysia terperangkap dengan isu pendapatan yang tidak stabil serta dibebani dengan kos sara hidup yang tinggi hingga menyebabkan mereka gagal mengurus kewangan dengan baik.

Literasi kewangan telah muncul sebagai faktor kritikal yang memberi impak besar terhadap kecekapan pengurusan kewangan individu, terutamanya dalam kalangan kakitangan universiti awam di Malaysia. Ia adalah elemen penting untuk kelangsungan hidup setiap individu (Pangestu et al., 2020). Kelemahan dalam literasi kewangan juga boleh menjejaskan pengurusan kewangan harian dan juga menghalang pembentukan simpanan jangka panjang (Tahir et al., 2021). Ramavhea et al. (2017) mendefinisikan literasi kewangan sebagai keupayaan seseorang untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus aset kewangan bagi menjamin keselamatan kewangan pada masa kini dan masa depan. Oleh itu, literasi kewangan adalah keperluan asas yang membolehkan individu mengatasi masalah kewangan (Muizzuddin et al., 2017) dan mempengaruhi cara seseorang mengurus kewangan peribadi (Napitupulu et al., 2021). Manakala kesejahteraan kewangan pula dapat ditingkatkan dengan literasi kewangan, yang membolehkan individu membuat keputusan kewangan yang bijak (Lusardi & Messy, 2023). Walaupun literasi kewangan dan kecekapan pengurusan kewangan sangat penting, tahap kesedaran kewangan dalam kalangan penduduk dunia masih di tahap rendah. Tinjauan global mendapati kebanyakan negara G7 dan G20 masih mencatatkan tahap literasi kewangan yang rendah (Lusardi & Messy, 2023).

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pengaruh tiga elemen utama literasi kewangan iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan, dan pengalaman kewangan terhadap kecekapan pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja universiti awam.

Kajian Literatur

Kajian literatur terkini secara konsisten telah membuktikan wujudnya hubungan yang kukuh antara literasi kewangan dan kecekapan pengurusan kewangan (Ahmad et al., 2025; Apriani et al., 2024; Imawan et al., 2025; Tejero et al., 2019). Literasi kewangan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, dan sikap terhadap wang adalah pemboleh ubah penting yang membentuk cara individu membuat keputusan kewangan. Kajian oleh Oppong et al. (2023) dalam kalangan pekerja swasta mendapati literasi kewangan mempunyai korelasi positif yang

signifikan dengan pengurusan kewangan peribadi. Terdapat banyak kajian lain turut mengesahkan bahawa literasi kewangan memberi kesan ketara kepada tingkah laku pengurusan kewangan (Humaiddi et al., 2020; Tejero et al., 2019; Wijaya et al., 2024; Yap et al., 2018). Sajid et al. (2024) pula mendapati literasi kewangan secara langsung mempengaruhi kesejahteraan kewangan dan secara tidak langsung mempengaruhi tingkah laku kewangan. Individu dengan literasi kewangan tinggi cenderung menunjukkan tingkah laku kewangan yang lebih bertanggungjawab. Literasi kewangan membantu individu memahami persekitaran kewangan, menganalisis, dan memilih tindakan terbaik untuk mengurus kewangan. Justeru, individu yang celik kewangan mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan kewangan yang baik dan mempamerkan tingkah laku yang lebih positif (Anderson & Seay, 2019).

Pengetahuan Kewangan dan Kecekapan Pengurusan Kewangan

Pengetahuan kewangan bermula daripada pendidikan awal dalam keluarga, di mana ibu bapa berperanan sebagai pendidik (Darmawan & Pratiwi, 2020). Didikan awal yang dipelajari daripada rumah akan membentuk tingkah laku seseorang individu. Teori tingkah laku kewangan yang diperkenalkan oleh Modigliani & Brumberg (1954) telah membincangkan berkaitan individu yang berpengetahuan dan mampu membuat keputusan rasional serta merancang kewangan jangka panjang boleh memaksimumkan utiliti sepanjang hayat mereka. Namun, bukti empirikal menunjukkan sebaliknya di mana individu yang kurang berpengetahuan akan bergelut untuk membuat keputusan yang rasional (Campbell et al., 2011). Menurut Sajid et al. (2024), individu yang mempunyai pengetahuan kewangan tinggi berupaya memproses maklumat kewangan dengan cekap dan mengoptimumkan kesejahteraan kewangan mereka. Pengetahuan yang baik juga dapat menghalang individu daripada membuat kesilapan dan mengelakkan pertimbangan serta tingkah laku kewangan yang salah (Sajid et al., 2024). Pengetahuan kewangan yang merangkumi pendidikan dan pengalaman kewangan, membantu membentuk tingkah laku pengurusan kewangan yang lebih berkesan (Adiputra & Patricia, 2020). Swiecka et al. (2019) pula berpendapat pengetahuan kewangan merujuk kepada pemahaman konsep dan prosedur kewangan untuk menyelesaikan masalah kewangan. Individu yang memiliki pengetahuan kewangan yang rendah sukar untuk membezakan keputusan pelaburan yang baik dan buruk (Arifin et al., 2017). Sebaliknya, mereka yang berpengetahuan tinggi cenderung meningkatkan kepuasan hidup dan memperbaiki kewangan semasa (Arifin et al., 2017; Moko et al., 2022). Berdasarkan kajian lepas mendapati pengetahuan kewangan memberi kesan yang signifikan terhadap kecekapan pengurusan kewangan (Adiputra & Patricia, 2020; Jennifer & Widoatmodjo, 2023; Lukesi et al., 2021; Moko et al., 2022; Siswanti & Halida, 2020).

Tingkah Laku Kewangan dan Kecekapan Pengurusan Kewangan

Tingkah laku kewangan yang positif dapat meningkatkan kesejahteraan dan kepuasan serta mengurangkan tekanan kewangan (Sajid et al., 2024). Merancang kewangan secara berhemat dan tersusun adalah kunci untuk jaminan masa depan. Sikap yang betul terhadap pengurusan kewangan juga penting untuk mencapai tahap kewangan yang lebih baik dan menjadi pemacu untuk memperbaiki tingkah laku kewangan individu (Çera et al., 2021). Tingkah laku kewangan merujuk kepada tanggungjawab individu dalam mengurus wang dan aset secara produktif (Prayuda & Purwanto, 2024), termasuk merancang dan mengekalkan kewangan untuk masa depan (Rai et al., 2019). Individu yang celik kewangan akan menggunakan sumber maklumat relevan untuk membuat keputusan kewangan yang tepat (Prayuda & Purwanto, 2024). Sebaliknya, mereka yang menyalahkan faktor luaran seperti nasib atau orang lain cenderung untuk kurang mengambil inisiatif untuk mengurus kewangan. Terdapat kajian yang pernah dijalankan oleh Rahman et al. (2021), menunjukkan tingkah laku kewangan menjadi

peramal kepada kesejahteraan dan meningkatkan kecekapan individu dalam mengurus kewangan. Ia juga berkaitan dengan teknik pengurusan simpanan, perbelanjaan, dan belanjawan individu (Klontz & Britt, 2012; Perry & Morris, 2005). Terdapat kajian yang mendapati tingkah laku kewangan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kecekapan pengurusan kewangan (Juldan, 2024; Setiawan et al., 2025; Prayuda & Purwanto, 2024).

Pengalaman Kewangan dan Kecekapan Pengurusan Kewangan

Pengalaman kewangan masa lalu juga sangat penting sebagai panduan hidup masa kini dan masa depan (Nuraeni & Ari, 2021). Dalam konteks kewangan, pengalaman adalah guru terbaik yang memandu individu membuat keputusan kewangan yang lebih fokus dan bijak (Sahara et al., 2022). Li et al. (2020) mentakrifkan pengalaman kewangan sebagai keupayaan menilai keputusan masa lalu untuk menentukan keberkesanan pengurusan kewangan semasa dan masa depan. Pengalaman kewangan juga mengajar kita agar tidak mengulangi kesilapan lampau, seperti terjerumus dalam hutang lapuk atau lewat membayar balik pinjaman (Brilianti & Lutfi, 2020). Ia juga membantu individu untuk meramal keadaan, mengira untung rugi, dan membuat keputusan yang lebih bijak (Elghaish et al., 2022; Paarima et al., 2021). Pengalaman kewangan setiap individu berbeza dan merangkumi pelbagai aspek seperti pelaburan, pengurusan kewangan, dan kerjaya (Fatimah & Susanti, 2018; Wang et al., 2023). Kajian lepas menunjukkan bahawa pengalaman kewangan mempunyai hubungan signifikan dengan kecekapan pengurusan kewangan (Brahmastra & Wikartika, 2023; Rahmadani et al., 2024; Rosita et al., 2024; Sahara et al., 2022).

Kajian ini berpandukan kepada dua teori iaitu Teori Tingkahlaku Terancang (Theory of Planned Behavior) dan Teori Kitaran Hayat (Life Cycle Hypothesis). Teori Tingkahlaku Terancang (TPB) adalah mencadangkan bahawa pengetahuan (latar belakang) mempengaruhi sikap dan kawalan tingkah laku persepsi, yang seterusnya membentuk tingkah laku sebenar. Dalam konteks kajian ini, pengetahuan kewangan dan pengalaman kewangan dilihat sebagai sumber maklumat yang membentuk tingkah laku kewangan, yang akhirnya menyumbang kepada kecekapan pengurusan kewangan (Conner, 2020). Manakala Teori Kitaran Hayat pula menekankan bahawa individu yang rasional akan merancang penggunaan sumber dan simpanan mereka sepanjang hayat untuk mengekalkan tahap penggunaan yang stabil (Rancan, 2019). Penggabungan kedua-dua teori ini membentuk kerangka kajian di mana Pengetahuan Kewangan, Tingkah Laku Kewangan, dan Pengalaman Kewangan bertindak sebagai pemboleh ubah bebas yang mempengaruhi Kecekapan Pengurusan Kewangan sebagai pemboleh ubah bersandar. Berdasarkan landasan teori ini, kerangka kajian dibina untuk menguji sejauh mana elemen-elemen literasi ini memacu kompetensi pengurusan.

Hipotesis Kajian

Berdasarkan *Teori Gelagat Terancang*, pengetahuan adalah asas kepada pembentukan kompetensi. Individu memerlukan maklumat yang tepat untuk melaksanakan tindakan yang betul. Justeru, disokong oleh literatur (Ahmad et al., 2025; Sajid et al., 2024), hipotesis pertama dibina:

H₁: *Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan kewangan dengan kecekapan pengurusan kewangan*

Seterusnya, teori ini juga menggariskan bahawa tindakan atau tingkah laku sebenar adalah penentu utama hasil. Tingkah laku kewangan yang positif seperti disiplin menabung mencerminkan aplikasi praktikal literasi (Prayuda & Purwanto, 2024), maka hipotesis kedua dicadangkan:

H₂: *Terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku kewangan dengan kecekapan pengurusan kewangan*

Akhir sekali, berdasarkan *Teori Kitaran Hayat*, pengalaman masa lalu mempengaruhi keputusan masa hadapan. Pembelajaran daripada pengalaman (Li et al., 2020) membolehkan individu mengelak kesilapan lalu, lantas meningkatkan kecekapan:

H₃: *Terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman kewangan dengan kecekapan pengurusan kewangan*

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan untuk menganalisis hubungan antara literasi kewangan dan kecekapan pengurusan kewangan dalam kalangan kakitangan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Daripada populasi kajian sebanyak 1,006 orang kakitangan UPNM, seramai 148 responden telah dipilih sebagai responden kajian menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kaedah persampelan ini diaplikasikan untuk memastikan dapatan kajian dapat digeneralisasikan. Pengumpulan data dilakukan menggunakan instrumen soal selidik yang berstruktur dan diukur melalui skala Likert 5 mata. Pengukuran bagi setiap pemboleh ubah diadaptasi daripada instrumen yang telah disahkan dalam kajian terdahulu. Pengetahuan Kewangan diukur 7 item yang menilai pemahaman asas mengenai inflasi, kadar faedah dan pelaburan (Rihanat et al., 2021). Tingkah Laku Kewangan dinilai melalui 7 item yang memfokuskan kepada tabiat perbelanjaan, pembayaran bil tepat pada masa, dan penyediaan bajet (Syakirah & Zaiman, 2021). Pengalaman Kewangan menggunakan 7 item berkaitan pendedahan produk kewangan (Mohd Fazli et al., 2007). Manakala Kecekapan Pengurusan Kewangan diukur dengan 7 item yang melihat kemampuan responden mengurus aliran tunai dan merancang masa depan (Nurul Fitriah & Husna, 2015).

Instrumen kajian ini merangkumi empat komponen utama, iaitu pengetahuan kewangan ($\alpha=0.940$), tingkah laku kewangan ($\alpha=0.848$), pengalaman kewangan ($\alpha=0.875$), dan kecekapan pengurusan kewangan ($\alpha=0.787$). Kesemua nilai Alpha Cronbach bagi setiap dimensi menunjukkan tahap kebolehpercayaan instrumen yang tinggi. Prosedur kajian merangkumi tiga fasa utama, iaitu pengedaran soal selidik, pengumpulan data, dan analisis statistik inferensi. Analisis ini dijalankan untuk menguji hipotesis dan melihat hubungan antara pemboleh ubah yang berkaitan, justeru membolehkan penyelidik memperoleh dapatan yang jitu dan kukuh serta mencapai objektif kajian.

Dapatan dan Analisis Kajian

Analisis Kebolehpercayaan

Jadual 1 memaparkan nilai Alpha Cronbach bagi setiap pemboleh ubah yang diukur dalam kajian rintis dan kajian sebenar. Nilai-nilai ini adalah petunjuk penting untuk menilai kebolehpercayaan dalaman instrumen soal selidik, sekali gus memastikan item soalan yang digunakan untuk mengukur setiap konstruk adalah konsisten. Nilai Alpha Cronbach 0.70 dan ke atas adalah aras kebolehpercayaan yang boleh diterima dalam sesuatu penyelidikan (Hair et al. (2023).

Manakala nilai Alpha Cronbach bagi pemboleh ubah Pengetahuan Kewangan menunjukkan nilai yang baik dan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.860 dalam kajian rintis dan 0.791 dalam kajian sebenar. Ini membuktikan responden memahami soalan yang diajukan dan dapat memberikan maklumbalas yang konsisten berkaitan tahap pengetahuan kewangan mereka.

Bagi pemboleh ubah Tingkah Laku Kewangan, nilai Alpha Cronbach yang diperoleh ialah 0.856 dalam kajian rintis dan 0.791 dalam kajian sebenar. Nilai-nilai ini juga menunjukkan kebolehpercayaan yang kukuh. Dapatan ini mengesahkan item soalan berkaitan tingkah laku kewangan, seperti amalan perbelanjaan dan tabungan, adalah bersesuaian serta dapat mengukur pola tingkah laku kewangan responden dengan tepat.

Nilai Alpha Cronbach untuk pemboleh ubah Pengalaman Kewangan ialah 0.770 dalam kajian rintis, dan meningkat kepada 0.848 dalam kajian sebenar. Peningkatan ini adalah petunjuk positif bahawa instrumen untuk mengukur pengalaman kewangan menjadi lebih konsisten dan boleh dipercayai dalam pelaksanaan kajian sebenar. Ini memberikan keyakinan terhadap pengukuran pendedahan dan interaksi responden dengan situasi kewangan

Akhir sekali, untuk pemboleh ubah Kecekapan Pengurusan Kewangan, nilai Alpha Cronbach dalam kajian rintis ialah 0.792, dan mengalami penurunan kepada 0.711 dalam kajian sebenar. Walaupun terdapat sedikit penurunan, nilai 0.711 masih berada dalam julat kebolehpercayaan yang boleh diterima.

Secara keseluruhannya, semua nilai Alpha Cronbach yang dilaporkan dalam Jadual 1, adalah konsisten untuk kajian rintis mahupun kajian sebenar, melebihi nilai 0.70. Ini memberikan bukti kukuh tentang kebolehpercayaan dalaman setiap instrumen yang digunakan. Justeru, data yang dikumpul melalui soal selidik ini boleh diyakini untuk tujuan analisis lanjut, dan hasil kajian ini mempunyai kredibiliti yang tinggi dari aspek kualiti pengukuran.

Jadual 1: Ujian Kebolehpercayaan

Konstruk	Cronbach's Alpha (Kajian Rintis)	Cronbach's Alpha (Kajian Sebenar)
Pengetahuan Kewangan	0.860	0.791
Tingkah laku Kewangan	0.856	0.791
Pengalaman Kewangan	0.770	0.848
Kecekapan Kewangan	0.792	0.711

Analisis Demografi

Jadual 2 memperincikan profil demografi 148 orang responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Analisis demografi ini penting untuk memahami ciri-ciri utama kumpulan yang diselidik. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden ialah perempuan (54.1%). Peratusan ini mungkin mencerminkan perwakilan jantina yang lebih tinggi dalam populasi staf yang dikaji atau pola maklum balas responden semasa persampelan. Dari segi etnik, bangsa Melayu mendominasi dengan peratusan 96.6% daripada keseluruhan responden. Ciri demografi ini adalah sangat penting kerana konteks budaya dan sosial etnik Melayu mungkin mempengaruhi persepsi serta amalan pengurusan kewangan mereka. Kajian mendapati kategori umur 31 hingga 40 tahun merupakan kumpulan terbesar (48.6%). Hal ini menunjukkan sebahagian besar responden berada pada fasa kehidupan yang mempunyai

tanggungjawab kewangan yang tinggi, seperti pembayaran pinjaman perumahan, perancangan keluarga, dan simpanan pendidikan anak-anak. Berdasarkan kategori pekerjaan, staf bukan akademik mencatatkan peratusan tertinggi (64.9%) di mana staf pentadbiran menjadi sampel majoriti dalam kajian ini berbanding staf akademik. Kedua-dua kumpulan ini mungkin mempunyai corak pendapatan dan pendedahan kewangan yang berbeza. Maklumat demografi yang dipersembahkan adalah sangat relevan kerana ia menyediakan konteks penting bagi isu literasi dan pengurusan kewangan yang dikaji. Pemahaman terhadap ciri-ciri khusus responden membantu dalam mentafsir dan menghuraikan dapatan kajian dengan lebih terperinci dan berkesan.

Jadual 2: Demografi Responden (N= 148)

Demografi Responden	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	68	45.9
Perempuan	80	54.1
Jumlah	148	100
Bangsa		
Melayu	143	96.6
Cina	1	0.7
India	3	2.0
Lain-lain	1	0.7
Jumlah	148	100
Umur		
25 – 30 tahun	17	11.5
31 – 40 tahun	72	48.6
41 – 50 tahun	56	37.8
50> tahun	3	2.0
Jumlah	148	100
Kategori Perkhidmatan		
Kakitangan Akademik	52	35.1
Kakitangan Bukan Akademik	96	64.9
Jumlah	148	100

Analisis Kolerasi Peason

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson yang dijalankan untuk menilai kekuatan dan arah hubungan linear antara pemboleh ubah bebas (pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan, dan pengalaman kewangan) dengan pemboleh ubah bersandar (kecekapan pengurusan kewangan). Analisis kajian ini mendapati pengetahuan kewangan mempunyai hubungan positif yang kukuh dengan kecekapan pengurusan kewangan ($r=.624$). Semakin tinggi tahap pengetahuan kewangan seseorang individu, semakin cekap mereka dalam menguruskan kewangan. Keputusan ini seiring dengan kajian terdahulu yang membuktikan pengetahuan merupakan asas yang penting dalam pembuatan keputusan kewangan yang bijak (Lusardi & Mitchell, 2014). Selain itu, tingkah laku kewangan pula menunjukkan hubungan yang lebih kuat dengan kecekapan pengurusan kewangan ($r=.736$). Korelasi yang tinggi ini membuktikan bahawa amalan dan tabiat kewangan yang positif, seperti merancang belanjawan dan menabung, adalah sangat mempengaruhi dalam menentukan kecekapan seseorang untuk

menguruskan kewangan. Penemuan ini menyokong pandangan bahawa pengetahuan semata-mata tidak mencukupi; tingkah laku yang berdisiplin adalah kunci kepada pengurusan kewangan yang efektif (Hilgert et al., 2003). Akhir sekali, pengalaman kewangan juga mempunyai hubungan positif yang kuat dengan kecekapan pengurusan kewangan ($r=.712$). Hal ini membuktikan bahawa pendedahan dan pembelajaran daripada pengalaman kewangan lampau memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran dan kecekapan individu. Secara keseluruhannya, hasil analisis korelasi Pearson secara konsisten menunjukkan ketiga-tiga aspek literasi kewangan, iaitu pengetahuan, tingkah laku, dan pengalaman, berkait rapat secara signifikan dan positif dengan kecekapan pengurusan kewangan dalam kalangan responden kajian.

Jadual 3: Keputusan Kolerasi Antara Pemboleh Ubah

	Kecekapan Kewangan	Penggetahuan Kewangan	Tingkah laku Kewangan	Pengalaman Kewangan
Kecekapan Kewangan	1	.624**	.736**	.712**
Pengetahuan Kewangan		1	.611**	.660**
Tingkah laku Kewangan			1	.705**
Pengalaman Kewangan				1

Aras signifikan: ** $p < 0.01$

Analisis Regresi Berganda bagi Pemboleh Ubah

Jadual 4 pula membentangkan hasil analisis regresi berganda yang bertujuan mengenal pasti sumbangan relatif setiap pemboleh ubah bebas, iaitu pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan, dan pengalaman kewangan, terhadap kecekapan pengurusan kewangan. Salah satu penemuan utama daripada analisis ini ialah nilai $R^2 = 0.630$, yang menunjukkan model regresi ini mampu menjelaskan 63.0% varians dalam kecekapan pengurusan kewangan. Peratusan ini amat tinggi, menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah bebas secara kolektif mempunyai kuasa penjelasan yang signifikan terhadap kecekapan individu dalam menguruskan kewangan. Pengetahuan kewangan mencatatkan pekali Beta (0.173) dengan nilai signifikan ($t=2.355$, $p=0.020$) yang berada di bawah aras 0.05. Ini bermakna pengetahuan kewangan mempunyai pengaruh positif yang signifikan secara statistik terhadap kecekapan pengurusan kewangan. Dapatan ini menyokong kajian terdahulu bahawa pengetahuan adalah prasyarat kepada tindakan yang cekap. Manakala tingkah laku kewangan menunjukkan pekali Beta paling tinggi (0.375) dengan nilai signifikan $p < 0.001$. Dapatan ini menandakan tingkah laku kewangan adalah peramal paling kuat dan signifikan terhadap kecekapan pengurusan kewangan. Penemuan ini menekankan betapa pentingnya amalan dan disiplin menguruskan wang untuk mencapai kecekapan pengurusan kewangan yang tinggi. Pengalaman kewangan juga mencatatkan pekali Beta signifikan (0.335) dengan nilai $p < 0.001$. Ini membuktikan pengalaman kewangan mempunyai pengaruh positif yang signifikan secara statistik terhadap kecekapan pengurusan kewangan. Pendedahan kepada pelbagai situasi kewangan dan pembelajaran daripada pengalaman terdahulu memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran pengurusan kewangan yang lebih cekap. Berdasarkan analisis ini, tingkah laku dan pengalaman kewangan merupakan faktor penyumbang yang lebih dominan dan signifikan terhadap pengaruhnya kepada kecekapan pengurusan kewangan berbanding pengetahuan kewangan. Oleh itu, kecekapan pengurusan kewangan bukan sekadar bergantung pada ilmu, tetapi lebih kepada amalan dan pengalaman yang dilalui.

Jadual 4: Analisis Regresi Berganda bagi Pemboleh Ubah

Pemboleh Ubah Bersandar: Prestasi Kerja			
Pemboleh Ubah Bebas	<i>Beta Coefficients</i>	<i>t</i>	Sig.
Pengetahuan Kewangan	.173	2.355	.020
Tingkah laku Kewangan	.375	5.603	.000
Pengalaman Kewangan	.335	3.944	.000
$R^2 = .630$			

Ujian Hipotesis

Berdasarkan dapatan kajian, kesimpulan hipotesis menunjukkan hubungan yang bercampur.

H₁: *Terdapat hubungan positif dan signifikan antara Pengetahuan Kewangan dengan Kecekapan Pengurusan Kewangan.*

Dapatan kajian juga menunjukkan korelasi Pearson membuktikan hipotesis ini diterima ($r=0.624$), di mana terdapat hubungan positif dan signifikan antara pengetahuan kewangan dengan kecekapan pengurusan kewangan. Namun analisis regresi berganda pula menghasilkan dapatan yang berbeza. Analisis regresi berganda menyokong dapatan korelasi Pearson. Pengetahuan kewangan mencatatkan pekali Beta positif (0.173) dan signifikan ($p=0.020$). Oleh itu, H₁ diterima. Ini membuktikan bahawa walaupun pengaruhnya lebih rendah berbanding tingkah laku, pengetahuan kewangan tetap menyumbang secara signifikan kepada kecekapan pengurusan kewangan dalam model multivariat.

H₂: *Terdapat hubungan positif dan signifikan antara Tingkah Laku Kewangan dengan Kecekapan Pengurusan Kewangan.*

Hipotesis ini diterima sepenuhnya dan disokong kuat oleh kedua-dua analisis, iaitu korelasi Pearson ($r=0.736$) dan analisis regresi berganda (Beta = 0.375, $p=0.000$). Penemuan ini merupakan dapatan paling dominan dalam kajian, menunjukkan bahawa tingkah laku kewangan yang positif dan berdisiplin (seperti merancang belanjawan, menabung, dan mengurus hutang) adalah faktor yang paling kuat dan signifikan dalam menentukan kecekapan seseorang menguruskan kewangan. Ini menekankan bahawa tindakan sebenar dan tabiat kewangan adalah lebih penting dan kritikal berbanding sekadar pengetahuan.

H₃: *Terdapat hubungan signifikan antara Pengalaman Kewangan dengan Kecekapan Pengurusan Kewangan.*

Hipotesis ini diterima dan disokong kuat oleh analisis korelasi Pearson ($r=0.712$) dan analisis regresi berganda (Beta = 0.335, $p=0.000$). Hal ini membuktikan bahawa pengalaman yang diperoleh daripada interaksi dan situasi kewangan sepanjang hayat memainkan peranan signifikan dalam membentuk kecekapan pengurusan kewangan. Pembelajaran daripada pengalaman lalu, sama ada kejayaan mahupun kegagalan, menyumbang secara positif kepada keupayaan individu untuk membuat keputusan kewangan yang lebih cekap.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa tingkah laku kewangan dan pengalaman kewangan adalah peramal yang lebih signifikan dan kuat terhadap kecekapan pengurusan kewangan berbanding pengetahuan kewangan semata-mata. Walaupun pengetahuan kewangan mempunyai hubungan positif, impaknya mungkin lebih tidak langsung atau berfungsi sebagai prasyarat untuk menggalakkan tingkah laku dan pengalaman yang efektif. Justeru, dapatan ini menggariskan keperluan untuk program literasi kewangan yang bukan sahaja meningkatkan pengetahuan, tetapi juga memupuk tingkah laku positif dan menyediakan ruang pembelajaran melalui pengalaman.

Perbincangan

Dapatan kajian ini selari dengan *Teori Tingkahlaku Terancang*, di mana ketiga-tiga elemen—pengetahuan, tingkah laku (sikap), dan pengalaman (pembelajaran) memainkan peranan dalam membentuk kompetensi. Tingkah laku kewangan didapati menjadi peramal paling dominan ($\text{Beta}=0.375$), menyokong pandangan teori bahawa tindakan praktikal adalah manifestasi terpenting dalam pengurusan sendiri. Ini juga konsisten dengan kajian Setiawan et al. (2025) yang mendapati aspek tingkah laku lebih kritikal berbanding kognitif semata-mata. Di samping itu, signifikan hubungan pengalaman kewangan ($\text{Beta}=0.335$) mengesahkan *Teori Kitaran Hayat*, di mana individu menyesuaikan keputusan kewangan berdasarkan pembelajaran masa lalu untuk memaksimumkan utiliti masa depan. Hasil ini memperkukuhkan dapatan Sahara et al. (2022) bahawa pengalaman adalah 'guru' terbaik dalam konteks kewangan. Pengetahuan kewangan, yang kini didapati signifikan ($p=0.020$), bertindak sebagai asas kognitif yang membolehkan tingkah laku dan pengalaman diproses dengan betul.

Kesimpulan

Kajian ini memberikan sumbangan signifikan dengan mengukuhkan bukti empirikal bahawa tingkah laku kewangan dan pengalaman kewangan adalah pemacu utama kecekapan pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja universiti awam. Pengaruh kedua-dua pemboleh ubah ini mengatasi peranan pengetahuan kewangan apabila kesemuanya dianalisis secara serentak. Secara praktikal, penemuan ini memberikan implikasi penting kepada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan institusi awam lain untuk merekabentuk program literasi kewangan yang lebih holistik. Program ini seharusnya tidak hanya berfokus pada peningkatan ilmu, tetapi juga memupuk tingkah laku kewangan yang positif. Saranan terhadap kajian akan datang, pengkaji seharusnya mengfokuskan kepada kaedah intervensi yang inovatif seperti bengkel praktikal, simulasi kehidupan sebenar dan seumpamanya bagi memupuk tingkah laku kewangan. Selain itu, kajian akan datang juga boleh meneliti impak jangka panjang pengalaman kewangan yang distrukturkan. Populasi kajian yang lebih pelbagai, merangkumi pelbagai kategori staf atau universiti lain, juga dicadangkan untuk meningkatkan kebolehgeneralisasian dapatan kajian.

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya membuktikan bahawa pengetahuan, tingkah laku, dan pengalaman kewangan adalah elemen kritikal yang mempengaruhi kecekapan pengurusan kewangan staf UPNM, dengan model regresi menjelaskan 63.0% varians. Dapatan ini mengesahkan aplikasi *Teori Tingkahlaku Terancang* dalam konteks penjawat awam. Kajian ini memberi sumbangan signifikan kepada literatur dengan membuktikan bahawa walaupun pengetahuan penting, tingkah laku dan pengalaman adalah pemacu utama kecekapan. Implikasi praktikalnya, pihak pengurusan UPNM dan institusi awam disarankan merangka program intervensi yang melangkaui seminar berasaskan teori. Program berbentuk bengkel simulasi dan pemantauan tingkah laku kewangan adalah lebih berkesan. Bagi penyelidikan masa hadapan,

dicadangkan supaya memasukkan pemboleh ubah demografi yang lebih luas dan menggunakan kaedah longitudinal untuk melihat perubahan kompetensi merentas masa.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) atas sokongan dan kemudahan yang disediakan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan artikel ini.

Rujukan

- Adiputra, I. G., & Patricia, E. (2020, May). The effect of financial attitude, financial knowledge, and income on financial management behavior. In *Tarumanagara International Conference on the Applications of Social Sciences and Humanities (TICASH 2019)* (pp. 107-112).
- Atmadja, A. T., Saputra, K. A. K., Manurung, D. T., & Wulandari, R. (2021). Factors that influence financial management: A case study in Indonesia. *The Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 8(6), 1203-1211.
- Ahmad, N. L., Mohamad Fazil, N. F., & Yusof, R. (2025). The relationship between financial literacy and entrepreneurship spirit with mediating effect of personal financial management. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 33(2).
- Apriani, D. N., Kadori & Sutrisno. (2024). The Effect of Financial Literacy on Financial Management of Teachers and Employees in Islamic Boarding Schools. *Journal of Economic Education and Entrepreneurship Studies*, 5(3), 407-420.
- Arifin, A. Z., Kevin, K., & Siswanto, H. P. (2017). The influence of financial knowledge, financial confidence, and income on financial behavior among the workforce in Jakarta. *MIX: Jurnal Ilmiah Manajemen*, 7(1), 154883.
- Bank Negara Malaysia (2024). *Malaysia Financial Literacy and Capability Index*. Annual Report 2024.
- Brahmastra, I. B. R., & Wikartika, I. (2023). The Effect of Financial Knowledge, Financial Experience, and Locus of Control on Financial Management Behavior at Batik Msmes in Tuban. *Journal of Social Research*, 2(7), 2393-2415.
- Brilianti, T. R., & Lutfi, L. (2020). Pengaruh pendapatan, pengalaman keuangan dan pengetahuan keuangan terhadap perilaku keuangan keluarga di Kota Madiun. *Journal of Business and Banking*, 9(2), 197-213
- Campbell, J. Y., Jackson, H. E., Madrian, B. C., & Tufano, P. (2011). Consumer financial protection. *Journal of Economic Perspectives*, 25(1), 91-114.
- Çera, G., Khan, K. A., Mlouk, A., & Brabenec, T. (2021). Improving financial capability : the mediating role of financial behaviour. *Economic Research-Ekonomska Istraživanja*, 34(1), 1265–1282.
- Conner, M. (2020). *Theory of planned behavior*. Handbook of sport psychology, 1-18.
- Elghaish, F., Rahimian, F. P., Hosseini, M. R., Edwards, D., & Shelbourn, M. (2022). Financial management of construction projects: Hyperledger fabric and chaincode solutions. *Automation in Construction*, 137, 104185.
- Hair Jr, J., Hair Jr, J. F., Sarstedt, M., Ringle, C. M., & Gudergan, S. P. (2023). *Advanced issues in partial least squares structural equation modeling*. SAGE publications.
- Humaidi, A., Khoirudin, M., Adinda, A. R., & Kautsar, A. (2020). The effect of financial technology, demography, and financial literacy on financial management behavior of productive age in Surabaya, Indonesia. *International Journal of Advances in Scientific Research and Engineering*, 6(01), 77-81.

- Imawan, R., Erlina, E., & Khaira, A. F. (2025). Analysis of the influence of financial literacy, mental accounting, financial attitude on financial management behavior with lifestyle as an intervening variable on accounting postgraduate students in medan. *International Journal of Research and Review*, 12(3), 209-219.
- Juldan, S. (2024). The Influence of Financial Knowledge, Financial Attitude on Financial Management Behavior: English. In *International Student Conference on Business, Education, Economics, Accounting, and Management (ISC-BEAM)* (Vol. 2, No. 1, pp. 3072-3080).
- Klontz, B. T., & Britt, S. L. (2012). How clients' money scripts predict their financial behaviors. *Journal of Financial Planning*, 25(11), 33-43.
- Li, C., Bai, J., Chen, Y., & Luo, Y. (2020). Resource and replica management strategy for optimizing financial cost and user experience in edge cloud computing system. *Information Sciences*, 516, 33-55.
- Lukesi, E., Rahadjeng, E. R., & Satiti, N. R. (2021). Effect of financial attitudes, financial knowledge, locus of control, and financial self-efficacy to financial management behavior in Millennial Generation. *Jurnal Manajemen Bisnis Dan Kewirausahaan*, 1(01), 56-63.
- Lusardi, A., & Messy, F. A. (2023). The importance of financial literacy and its impact on financial wellbeing. *Journal of Financial Literacy and Wellbeing*, 1(1), 1-11.
- Mashud, M., Mediaty, M., & Pontoh, G. T. (2021). The effect of financial literature, lifestyle and income of parents on student financial management behavior. *Journal of International Conference Proceedings*, 4(3), 256–264.
- Modigliani, F., & Brumberg, R. (2013). Utility Analysis and the Consumption Function: An Interpretation of Cross-Section Data 1. In *Post-keynesian economics* (pp. 388-436). Routledge.
- Moko, W., Sudiro, A., & Kurniasari, I. (2022). The effect of financial knowledge, financial attitude, and personality on financial management behavior. *International Journal of Research in Business & Social Science*, 11(9).
- Muizzuddin, Taufik, Ghasarma, R., Putri, L., & Adam, M. (2017). Financial literacy; strategies and concept in understanding the financial planning with self-efficacy theory and goal setting theory of motivation approach. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 7(4), 182–188.
- Napitupulu, J. H., Ellyawati, N., & Astuti, R. F. (2021). Pengaruh literasi keuangan dan sikap keuangan terhadap perilaku pengelolaan keuangan mahasiswa Kota Samarinda. *Jurnal Pendidikan Ekonomi*, 9(3), 138–144.
- Oppong, C., Salifu Atchulo, A., Akwaa-Sekyi, E. K., Grant, D. D., & Kpegba, S. A. (2023). Financial literacy, investment and personal financial management nexus: Empirical evidence on private sector employees. *Cogent Business & Management*, 10 (2), 2229106.
- Paarima, Y., Kwashie, A. A., & Ofei, A. M. A. (2021). Financial management skills of nurse managers in the Eastern Region of Ghana. *International Journal of Africa Nursing Sciences*, 14, 100269.
- Pangestu, S., Karnadi, E. B., & Foroudi, P. (2020). The effects of financial literacy and materialism on the savings decision of generation Z Indonesians. *Cogent Business & Management*, 7(1), 1743618.
- Perry, V. G., & Morris, M. D. (2005). Who is in control? The role of self-perception, knowledge, and income in explaining consumer financial behavior. *Journal of consumer affairs*, 39(2), 299-313.

- Prayuda, R. Z., & Purwanto, A. (2024). The Role of Locus of Control, Financial Knowledge and Income on Financial Management Behavior: PLS-SEM Analysis. *PROFESOR: Professional Education Studies and Operations Research*, 1(02), 1-5.
- Rancan, A. (2019). Income distribution, consumption, and economic growth in Italy: Kaldor's theory versus the life cycle hypothesis, 1960s and 1970s. *History of Political Economy*, 51(5), 867-900.
- Rahman, M., Isa, C. R., Masud, M. M., Sarker, M., & Chowdhury, N. T. (2021). The role of financial behaviour, financial literacy, and financial stress in explaining the financial well-being of B40 group in Malaysia. *Future Business Journal*, 7(1), 52.
- Rai, K., Dua, S., & Yadav, M. (2019). Association of financial attitude, financial behaviour and financial knowledge towards financial literacy: A structural equation modeling approach. *FIIB Business Review*, 8(1), 51–60
- Ramavhea, G., Fouche, J., & Walt, F. Van Der. (2017). Financial literacy of undergraduate students: A case study of a public university in South Africa. *International Journal of Economics and Finance Studies*, 9(2), 48–65
- Rosita, I., Fitri, O. R., Sobiyah, S., & Haryadi, D. (2024). Assessment of Lifestyle and Financial Experience on Student Financial Management Behavior. *Journal of Management Science (JMAS)*, 7(1), 510-515.
- Sahara, Y., Fuad, M., & Setianingsih, D. (2022). The role of financial attitude, financial experience, financial knowledge and personality on student's personal financial management behavior. *Sorot*, 17(3), 167-176.
- Sajid, M., Mushtaq, R., Murtaza, G., Yahiaoui, D., & Pereira, V. (2024). Financial literacy, confidence and well-being: The mediating role of financial behavior. *Journal of Business Research*, 182, 114791.
- Setiawan, A., Rahmattullah, M., & Adawiyah, R. (2025). The Influence of Financial Behavioral Dimensions on Student Financial Management. *Pegem Journal of Education and Instruction*, 15(1), 171-180.
- Siswanti, I., & Halida, A. M. (2020). Financial knowledge, financial attitude, and financial management behavior: Self-control as mediating. *The International Journal of Accounting and Business Society*, 28(1), 105-132.
- Świecka, B., Grzesiuk, A., Korczak, D., & Wyszowska-Kaniewska, O. (2019). *Financial literacy and financial education: Theory and survey*. Walter de Gruyter GmbH & Co KG.
- Tahir, M. S., Ahmed, A. D., & Richards, D. W. (2021). Financial literacy and financial well-being of Australian consumers: A moderated mediation model of impulsivity and financial capability. *International Journal of Bank Marketing*, 39(7), 1377–1394
- Tejero, E. P., Pilongo, L. W. R., & Pamaran, F. T. (2019). Financial literacy in relation to financial management. *University of Bohol Multidisciplinary Research Journal*, 7(1), 138-165.
- Wang, K., Chen, Y., Liu, Y., & Tang, Y. (2023). Board secretary's financial experience, overconfidence, and SMEs' financing preference: Evidence from China's NEEQ market. *Journal of Small Business Management*, 61(4), 1378-1410.
- Wijaya, H. R., Hati, S. R. H., Ekaputra, I. A., & Kassim, S. (2024). The impact of religiosity and financial literacy on financial management behavior and well-being among Indonesian Muslims. *Humanities and Social Sciences Communications*, 11(1), 1-13.
- Yap, R. J. C., Komalasari, F., & Hadiansah, I. (2018). The effect of financial literacy and attitude on financial management behavior and satisfaction. *BISNIS & BIROKRASI: Jurnal Ilmu Administrasi dan Organisasi*, 23(3), 4.